

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN  
BIN AYUB [ PULAI ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [ PULAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah keluarga petugas barisan hadapan yang terkorban semasa menjalankan tugas mendepani COVID-19 mendapat pampasan yang sewajarnya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak -Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Akta 239) telah menetapkan pemberian faedah terbitan sekiranya seseorang anggota perkhidmatan awam termasuklah mereka yang bertugas di barisan hadapan yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Faedah terbitan ini terdiri daripada Pencen Terbitan dibayar secara bulanan, dan Ganjaran Terbitan serta Gantian Cuti Rehat (GCR) dibayar secara pemberian tunai sekaligus.

## NO. SOALAN : 40

Bagi anggota perkhidmatan awam yang meninggalkan pasangan/anak/ibubapa, Pencen Terbitan ini diberikan kepada pasangan dan anak pegawai tersebut. Manakala Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat (GCR), tunai secara sekaligus diberikan kepada pasangan, anak dan ibu/bapa. Manakala bagi anggota perkhidmatan awam yang bujang, Pencen Terbitan, Ganjaran Terbitan serta GCR secara sekaligus akan diberikan kepada ibu anggota. Sekiranya ibu telah meninggal dunia, ianya akan dibayar kepada bapa.

Selain itu, anggota perkhidmatan awam layak dipertimbangkan pemberian Pencen Tanggungan kepada pasangan, anak dan ibu/bapa sekiranya anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan yang bukan disebabkan oleh kecuaiannya. Pencen tanggungan adalah tambahan ke atas Faedah Terbitan yang telah dinyatakan.

Kerajaan juga mulai 1 Januari 2020 telah bersetuju untuk memberi *Ex-Gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. *Ex-Gratia* Kematian ini diberikan kepada anggota yang memilih Skim Pencen dan Skim KWSP. Pemberian ini tertakluk kepada tempoh perkhidmatan seperti berikut:

<b>Tempoh Perkhidmatan (Bulan)</b>	<b>Pembayaran Ex-Gratia Kematian (RM)</b>
Kurang 60	150,000
61 – 120	100,000
121 – 180	75,000
181 – 240	50,000
Melebihi 241	Tiada

Waris juga boleh menuntut Bantuan Mengurus Jenazah dan Bayaran Pengangkutan Jenazah.

Sekian, terima kasih.